

KKK/PAUIAM/ Premis (1/09)

5hb Mac 2009

Nor Azliza Mansur Husain  
EC Communication  
(U/P: En Manzur Husain)

*Assalamualaikum wrt.wbt*

**SURAT TAWARAN DAN PERJANJIAN PENYEWAAN PREMIS MILIK KELAB  
KEBAJIKAN KAKITANGAN, PUSAT ASASI, UNIVERSITI ISLAM  
ANTARABANGSA MALAYSIA.**

Perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kelab Kebajikan Kakitangan, Pusat Asasi UIAM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan pada 4hb Mac 2009 (Rabu) telah **bersetuju** untuk menawarkan Syarikat EC Comunication bagi menyewa premis milik Kelab di Pusat Asasi ini bermula pada 01 April 2009.

Tawaran penyewaan ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :-

1. Kadar sewaan yang dikenakan adalah sebanyak **RM250.00 sebulan** atau **RM3,000.00 setahun**. Pihak kelab berhak untuk mengkaji kadar sewaan berdasarkan keadaan tertentu dari masa kesemasa.
2. Tempoh percubaan adalah **selama 6 bulan** daripada tarikh surat tawaran ini ditandatangani oleh penyewa dan perlanjutan kontrak sewaan selepas itu perlu melalui surat kepada Pengerusi Kelab.
3. Bayaran sewaan perlulah dibayar kepada Bendahari Kelab selewat-lewatnya pada atau sebelum 10hb setiap bulan berkenaan. Kegagalan untuk membayar sewaan selama 3 bulan berturut-turut, pihak Kelab berhak untuk menamatkan kontrak penyewaan ini kepada pihak tuan secara bertulis dengan serta-merta.
4. Notis penamatan kontrak penyewaan (pihak penyewa) hendak dibuat secara bertulis 2 bulan lebih awal kepada pihak kelab.
5. Segala kos pengubahsuaian premis adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak penyewa dan perlu dimaklumkan kepada pihak Kelab untuk rekod pengurusan.
6. Penyewa hendaklah mempunyai lesen pendaftaran perniagaan dan lesen perniagaan dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

7. Waktu operasi premis bermula daripada jam 8.00 a.m – 12.00 tengah malam, walaubagaimanapun, pihak Kelab berhak meminda waktu perniagaan mengikut keadaan semasa.
8. Pihak penyewa dibenarkan memasang papan tanda perniagaan hanya dikawasan premis sahaja. Pihak penyewa juga dikehendaki menyediakan senarai harga setiap produk jualan di Premis sewaan.
9. Penyewa juga adalah **dilarang** menggunakan Premis tersebut untuk :-
  - a. tujuan kediaman;
  - b. tujuan tidak bermoral dan menyalahi undang-undang; dan
  - c. menggunakan Premis bagi tujuan selain daripada kegunaan seperti yang terdapat dalam tujuan penyewaan.
10. Penyewa dikehendaki / dibenarkan untuk berbincang dengan pihak Kelab apabila terdapat permasalahan yang perlu untuk tujuan perbincangan.

Sekiranya pihak tuan/puan bersetuju dengan surat tawaran perjanjian penyewaan ini, pihak tuan /puan perlu memulangkan surat persetujuan ini (salinan) kepada Pengurus Kelab Kebajikan Kakitangan PAUIM **sebelum atau pada 13hb Mac 2009**. Kegagalan pihak tuan untuk memulangkan salinan surat yang telah ditandangani , maka pihak Kelab menganggap pihak tuan tidak berminat dan terbatal dengan sendiri.

Sekian . *Wassalam*

**SYAMSUL AMRI HJ ABDUL RAHIM**  
Pengerusi  
Kelab Kebajikan Kakitangan (KKK)  
Pusat Asasi , UIAM.

**SETUJU / TIDAK SETUJU**

Nama Penyewa Premis :.....  
No. Kad Pengenalan :.....  
Alamat Rumah :.....  
.....  
No H/P :.....  
Tarikh :.....  
Cop Syarikat : .....